

Pendirian Dan Amalan Tasawuf Imam Al-Shafi'i R.H.M

Dr. Najihah binti Abd Wahid
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu
anajihah@unisza.edu.my

Dr. Anas bin Mohd Yunus
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu
anas@unisza.edu.my

Dr. Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu
mzaidin@unisza.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat sejauh mana amalan tasawuf Imam al Shafi'ir.h.m dalam susur perjalanan kehidupan beliau. Kajian ini penting untuk memperlihatkan penerimaan beliau terhadap disiplin tasawuf yang menjadi pertikaian sebahagian para sarjana dan masyarakat Islam pada hari ini. Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk analisis kandungan dan temubual secara mendalam dengan informan berkaitan. Latarbelakang dan sejarah kehidupan serta kenyataan-kenyataan beliau berkaitan tasawuf akan dikupas bagi melihat pendirian sebenar beliau terhadap disiplin tasawuf. Dapatkan kajian menunjukkan beliau tidak menolak tasawuf, bahkan turut mempraktikkan tasawuf dalam sejarah kehidupan beliau. Kertas kerja ini akan membuka ruang disiplin baru tentang perbincangan amalan tasawuf beliau selain daripada perbincangan tentang bidang fiqh dan perundangan beliau yang telah banyak diperkatakan.

Keywords: Amalan, tasawuf, Imam al-Shafi'i, sufisme.

LATAR BELAKANG DISIPLIN ILMU TASAWUF

Sebelum melihat dengan lebih mendalam praktikal tasawuf tokoh mazhab agung, Imam al-Shafi'i r.h.m., penyelidik akan menjelaskan terlebih dahulu latar belakang tasawuf dari sudut sejarahnya.

Disiplin ilmu tasawuf tidaklah dikenali pada zaman Nabi s.a.w. dan para sahabat sebagaimana disiplin-disiplin ilmu-ilmu Islam yang lain seperti Fiqh, Usul al-Fiqh, Ulum al-Hadith, Ulum al-Quran dan lain-lain. Namun ia bermula dengan mencontohi kehidupan Nabi s.a.w. daripada aspek-aspek sufi yang menekankan kezuhudan terhadap kehidupan dunia. Ia jelas dalam satu hadis Nabi s.a.w. di mana Umar r.a. melihat Nabi s.a.w. berbaring di atas pelepas tamar sehingga menimbulkan bekas di badan Baginda s.a.w yang menjadikan Umar r.a. menitiskan air mata. Lalu sabda Nabi s.a.w: Aku ini adalah pesuruh Allah wahai Umar. Aku bukanlah seorang Kisra dari Parsi atau Kaisar dari Rom. Mereka menuntut dunia dan aku mencari akhirat (al-Qari, t.th.: 157).

Hasil daripada didikan Nabi s.a.w. inilah yang mempengaruhi para sahabat untuk hidup mencari bekal akhirat. Kehidupan yang mereka jalani adalah kehidupan zuhud terhadap dunia yang menjadi asas kepada perkembangan tasawuf di peringkat awal. Para sahabat dan tabi'in adalah ahli sufi secara praktikal walaupun bukan pada nama (Abd al-Qadir Isa, 1980: 11). Justeru itu, tasawuf adalah salah satu ilmu syariat Islam yang baru tumbuh dalam kehidupan beragama umat Islam. Asalnya ialah amalan para salaf al-salih dari kalangan sahabat dan para tabi'in dan generasi sesudahnya. Tujuan tasawuf ialah menurut jalan kebenaran dan hidayah Tuhan. Dasarnya ialah tekun beribadat, memutuskan jalan yang lain dan tetap hanya tertuju kepada Allah belaka, menolak kemegahan dan perhiasan dunia, zuhud daripada keinginan orang ramai sama ada kelazatan atau harta benda atau kemegahan pangkat dan menyendiri daripada makhluk dengan berkhawlwat untuk beribadat (Ibn Khaldun, 2004: 2: 225).

Ilmu tasawuf belum dikenal dengan nama tersebut sebelum permulaan abad ke-3 dan mereka yang menjalani hidup tasawuf dikenali sebagai zahid (orang yang zuhud), nasik (orang yang suka beribadat) atau faqir (orang yang menghinakan diri di hadapan Allah). Namun perkataan tasawuf dikesan telah digunakan oleh Hasan al-Basri apabila mengungkapkan: Aku melihat seorang sufi bertawaf, maka aku berikannya sesuatu namun dia tidak mahu menerimanya. Bahkan diriwayatkan bahawa Hasan al-Basri adalah orang terawal yang mengasaskan manhaj tasawuf (al-Mahdi, 1998: 34-35). Orang yang dipercayai pertama sekali digelar sufi ialah Abu Hashim dari Kufah yang meninggal pada tahun 150H (Muhammad Jalal Sharf, 1991: 81). Pada tahun inilah Imam al-Shafi'i r.h.m. dilahirkan. Ini bermakna beliau dilahirkan pada peringkat awal istilah tasawuf bermula.

Justeru, tasawuf bukanlah sesuatu yang meluas sebagai satu disiplin dalam zaman Imam al-Shafi'i r.h.m. Sebaliknya, yang wujud adalah pengamalan dan penghayatan gaya hidup tasawuf itu sahaja. Namun beberapa orang tokoh tasawuf sezaman dengan Imam al-Shafi'i r.h.m. boleh menjadi asas kepada perkembangan ilmu tasawuf yang melingkari zaman Imam al-Shafi'i r.h.m.. seperti Ma'aruf al-Kharki (meninggal pada tahun 200H), Surri al-Saqti (155H-253H), al-Sarani (meninggal pada tahun 215H), al-Muhasibi (165H- 243H) dan Zunnun al-Misri (155H -245H).

Walaupun ada pendapat yang menyatakan bahawa tasawuf tidak dikenali melainkan setelah berlalunya kurun yang ke-3 hijrah (Ibn Taymiyyah, 1995, 11: 6), namun berdasarkan kepada silsilah atau sanad tarekat yang sampai kepada Hasan al-Basri (al-Mahdi, 1998: 34-35), penyelidik cenderung untuk memilih pendapat yang menyatakan tasawuf sudah dikenali pada zaman tabi'in walaupun belum meluas. Ini kerana, tasawuf ialah ilmu yang membicarakan soal akhlak sebagaimana yang disebut oleh Muhammad bin Ali bin Husayn bin Ali bin Abi Talib : "Tasawuf adalah akhlak yang baik (Al-tasawuf al-khuluq). Siapa pun yang melebihi anda dalam akhlak yang baik maka dia melebihi anda dalam tasawuf" (Qandil, 1974: 234). Justeru, sesiapa yang mengamalkan akhlak yang diajar oleh Nabi s.a.w. sudah pastilah telah mengamalkan tasawuf walaupun tidak dijenamakan engannya.

KONFLIK DALAM PERBAHASAN PENDIRIAN TASAWUF IMAM AL-SHAFI'I R.H.M.

Konflik penerimaan dan penolakan tasawuf dalam ajaran Islam pada dasarnya adalah lanjutan daripada pertentangan yang berlaku antara para penyokong aliran Salafi (Wahabi) yang melabelkan diri sebagai ahli fiqh, lalu menolak tasawuf dan para pengamal tasawuf sendiri yang mempraktikkan kehidupan tasawuf semenjak dulu lagi. Konflik ini mungkin tercetus kerana pendekatan yang berbeza. Maksudnya, fiqh adalah bidang ilmu yang membicarakan tentang amalan zahir seperti ibadat, muamalat, jenayah dan lain-lain, sementara tasawuf mengambil berat tentang aspek batiniyah dan pembersihan jiwa. Justeru itu, terdapat teori yang mengatakan bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m. berpendirian fiqh dan menolak tasawuf sewaktu hayatnya . Teori ini diperkuatkan dengan kedudukan Imam al-Shafi'i r.h.m. sebagai pengasas mazhab fiqh pada zamannya. Tohmahan-tohmahan yang mengatakan bahawa beliau tidak mendukung tasawuf telah membawa kepada pertelingkahan pendapat para ahli fiqh dan ahli tasawuf. Sesetengah penganalisis menggambarkan pertelingkahan antara ahli fiqh dan ahli tasawuf seperti pertentangan antara Islam dan kekufuran (Hersi Mohamad, 2012: 101) . Malah, tidak kurang yang menganggap tasawuf sebagai punca kemunduran umat Islam . Ini disebabkan kerana penolakan sesetengah aliran terhadap ilmu tasawuf sebagaimana yang diungkapkan oleh Abu Bakr al-Jaza'iri (1991: 6): Tasawuf ialah suatu bid'ah dalalah yang paling banyak, paling besar dan paling buruk penyesatannya.

GF Haddad (1999: <http://livingislam.com>, dilayari pada 3 Jun 2010) dalam kajiannya menukilkan, aliran salafi berpendirian bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m. adalah seorang faqih yang berpegang teguh pada pemikiran fiqhnya dan menolak tasawuf kerana ia boleh membawa pada kesesatan. G.F Haddad seterusnya menukilkan dakwaan Ibnu al-Jawzi (510-592H) dalam kitabnya 'Talbis al-Iblis' yang meriwayatkan bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m. adalah imam mazhab fiqh yang menolak tasawuf. Menurut G.F Haddad lagi, Ibnu al-Jawzi berhujah bahawa tasawuf tidak wujud pada zaman Imam al-Shafi'i r.h.m. dan beliau

menolak tasawuf serta berpegang teguh pada aliran pemikiran fiqhnya.

Melihat kepada kenyataan-kenyataan di atas, penyelidik melihat bahawa, perlu dianalisis dengan jelas tentang tasawuf mam al-Shafi'i r.h.m. bagi melihat sejauhmana penerimaan beliau terhadap tasawuf, agar pendirian tasawuf beliau jelas dan boleh diterima umum. Antara mekanisme penting untuk menilai tasawuf beliau adalah dengan menganalisis ungkapan-ungkapan beliau berkaitan tasawuf dan melihat sejarah kehidupan tasawuf beliau. Analisa ini diyakini akan dapat memberi pencerahan tentang amalan dan pendirian beliau terhadap tasawuf.

PERSOALAN PENDIRIAN TASAWUF IMAM AL-SHAFI'I R.H.M

Pendirian tasawuf Imam al-Shafi'i r.h.m dapat dianalisis menerusi beberapa ungkapan puisi beliau seperti di bawah:

هي قفل ا لى اضف

هي فسل ا نم هي قفل ا قلن مك

هي ف منم دهزأ هي ف اذهو

هي قفل ا قفل ا خم يف عطن

هي قفل ا نم هي فسل ا قلن مو

اذه برق يف دهار اذهب

هي فس ئل ع ئاقشلا بلغ اذإ

Seorang faqih seperti seorang yang safih (sufi yang berpura-pura kuat beribadah) sama-sama mengharap antara satu sama lain (dari sudut memberi dan mendapatkan ilmu).

Orang yang safih akan menjadi seorang yang zuhud bila mendekati si faqih. Orang yang faqih sudah tentunya lebih daripada si safih dari segi zuhudnya.

Apabila ditimpa satu-satu cubaan, maka sikap seorang yang safih adalah melampaui batas berbanding si faqih.

Beliau seterusnya turut mengalunkan sebuah lagi puisi seperti di bawah :-

نوكسن تمل

فارخ بايذ مهف اول خ اذ او

اوكسن ت اكوت اذإ ن يذلا عدو

Tinggalkan golongan yang apabila berdepan denganmu, maka mereka berpura-pura kuat beribadah.

Apabila menjauhi kamu, mereka umpama serigala berkulit bebiri .

Perkataan Dalam maksud puisi-puisi di atas, ungkapan **هي فسل** dan **اوكسن ت** merujuk pada golongan sufi yang berpura-pura kuat ibadah. Imam al-Shafi'i r.h.m memang mencela segolongan manusia yang berpura-pura atas nama tasawuf pada zamannya, untuk sesuatu kepentingan tertentu. Bahkan, beliau menasihati setiap muslim agar menjauhi golongan ini. Terma **هي فسل** dan **اوكسن ت** tidak ditujukan kepada semua ahli tasawuf, ia hanya ditujukan pada golongan yang hipokrit dalam amalan tasawuf mereka. Seiring dengan maksud puisi

ini, Ibnu Taymiyyah juga menjelaskan bahawa ahli sufi ialah golongan yang bersungguh-sungguh melakukan ketaatan kepada Allah dan ada yang tersasar tetapi bertaubat dan sebahagiannya tidak bertaubat. Ada juga ahli bidaah dan zindiq yang dinisbahkan kepada tasawuf tetapi di sisi ahli tasawuf sendiri tidak mengakuinya (Ibnu Taymiyyah, 2006: 13).

Malah tokoh-tokoh tasawuf besar seperti Junayd al-Baghdadi menegaskan bahawa mazhab kami (tasawuf) adalah terikat dengan al-Quran dan al-Sunah (al-Qushayriyyah, 1989: 80) dan al-Sha'rani menjelaskan tasawuf adalah pati daripada amalan seseorang yang berdasarkan hukum-hakam syarak (Muhammad Jalal Sharf, 1991: 20).

Justeru dalam catatan lain Imam al-Shafi'i r.h.m menyanjung sufi sebagaimana riwayat yang sahih daripada Ismail al-Tayyan al-Razi yang pergi ke Mekah dan menemui Imam al-Shafi'i r.h.m. Lalu Imam al-Shafi'i r.h.m bertanyakan tentang Musa al-Razi sambil memujinya sebagai orang timur (Razi) yang paling mahir tentang memahami al-Quran. Al-Razi pun memohon Imam al-Shafi'i r.h.m menceritakan ciri-cirinya. Apabila dinyatakan ciri-cirinya lantas al-Razi mengenalinya dan menyebut namanya sebagai Abu Imran al-Sufi. Imam al-Shafi'i r.h.m r.h.m. lalu menjelaskan bahawa dua-dua nama tersebut adalah merujuk kepada orang yang sama. (Ibnu Abi Hatim, 2003: 163). Dengan ini, jelaslah bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m r.h.m. tidak memusuhi beliau walaupun mengenalinya sebagai ahli sufi.

Dalam kajian ini juga, penyelidik turut meninjau beberapa nukilan dan pandangan tokoh lain berkaitan praktikal tasawuf Imam al-Shafi'i r.h.m. Bagi penganalisis sastera Arab seperti GF Haddad (1997: livingislam.com), beliau menyifatkan golongan sufi tanpa fiqh dalam tulisannya dengan kata-kata: "In reality, they were nothing more than hypocrites, free thinkers and dissolute people."

Dalam tulisannya, GF Haddad(1997: livingislam.com) merumuskan bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m mempraktikkan tasawuf dengan maksud mempraktikkan segala kehalusan budi pekerti atau akhlak yang baik sebagaimana tuntutan agama. Beliau turut menukilkan kata-kata Imam al-Shafi'i r.h.m yang menyokong praktikal tasawuf dalam kehidupan seorang muslim sebagaimana berikut:

قيرطب ءادتقال او فطلتلاب قلخلا ئرشعو فلكلتلا ئكرت : ثالث مكايىن دنم ييل ببح
فوصتل

"3 perkara yang aku cintai di dunia ini: mengelak kepura-puraan, melayan orang dengan sebaiknya dan mengikuti jalan sufi."

Ibnu Qayyim (<http://www.islamweb.net/newlibrary1996>. Dilayari pada 12 Ogos 2012) menghuraikan lagi perincian tentang tasawuf dengan menghimpunkan segala mutiara kata-kata serta memberi kesimpulan tentang tasawuf:

نېدلار يېلىع داز دقق قلخلا يېلىع داز نېمف قلخ ملک نېدلار

“Din keseluruhannya adalah berasaskan akhlak yang baik. Siapa pun yang melebihi anda dalam akhlak yang baik bererti dia melebihi anda dalam agama, dan begitulah tasawuf.”

Dalam satu puisi lain pula, penyelidik mendapati Imam al-Shafi'i r.h.m turut mengalunkan puisi-puisi yang khusus berkaitan tasawuf. Antaranya puisi yang berbunyi:

حصـنـأـكـاـيـيـاـهـلـلـاـقـحـوـيـنـافـ
حـلـصـيـلـهـجـلـاـوـذـفـيـكـلـوـهـجـاـدـوـ

ادـحـاوـسـيـلـنـكـفـاـيـفـوـصـوـاهـيـقـفـ
ىـقـتـهـبـلـقـقـذـيـهـلـسـاقـلـكـاـدـفـ

Berusahalah engkau menjadi seorang faqih dan juga sufi, dan janganlah kau hanya mengambil salah satunya. Sesungguhnya demi Allah saya benar-benar ingin memberikan nasihat padamu

Orang yang hanya faqih tapi tidak sufi, maka hatinya tidak dapat merasakan kelazatan takwa. Sedangkan orang yang hanya menjalani tasawuf tapi tidak muhu menjadi faqih, maka bagaimana dia mampu menjadi baik?

Jelas bahawa maksud puisi di atas menyeru seseorang muslim agar mendekati fiqh dan tasawuf pada waktu yang sama. Anjuran ini adalah sebahagian dari hujah bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m tidak menolak tasawuf. Walau bagaimanapun, golongan salafi yang telah membuang puisi ini dalam percetakan mereka telah mempertikaikan kesahihan puisi ini. Bagi golongan salafi yang mempertikaikan teks ini, mereka berhujah bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m tidak pernah bersumpah dengan nama Allah (هـلـلـاـقـحـوـ) sedangkan dalam puisi ini beliau melafazkan sumpah. Maka hujah ini tidak boleh diterima, kerana dalam mazhab Imam al-Shafi'i r.h.m sumpah yang menggunakan kalimah demi hak Allah (هـلـلـاـقـحـوـ) atau demi ilmu Allah bukanlah sumpah (Muhammad Abu Zahrah, 2010: 215).

Maksud puisi di atas juga turut disokong dengan puisi berikut yang turut menjelaskan pemikiran Imam al-Shafi'i r.h.m tentang tasawuf :

هـلـاـقـمـوـهـقـطـنـبـهـيـقـفـلـاـسـيـلـ
هـلـاـجـرـوـهـمـوـقـبـسـيـئـرـلـاـسـيـلـ
هـلـاـمـبـوـمـكـلـمـبـيـنـغـلـاـسـيـلـ

ىـلـعـأـلـاـلـثـمـلـاـ

هـلـعـفـبـهـيـقـفـلـاـوـهـهـيـقـفـلـاـنـإـ
هـقـلـخـبـسـيـئـرـلـاـوـهـسـيـئـرـلـاـاـذـكـوـ
هـلـاـحـبـيـنـغـلـاـوـهـيـنـغـلـاـاـذـكـوـ

Sesungguhnya seorang yang faqih itu adalah faqih kerana perbuatannya, bukan kerana kata-katanya atau penulisannya. Demikian pemimpin adalah pemimpin kerana akhlaqnya, bukan pemimpin kerana kaumnya dan tenteranya. Demikian juga kekayaan adalah kekayaan kerana dirinya, bukan kerana kekuasaan dan hartanya.

Ungkapan seorang yang faqih itu adalah faqih kerana perbuatannya memberi maksud seorang yang faqih itu adalah kerana sifat sufinya, kerana sifat faqih dan sufi menuntut kehalusan pekerti. Justeru, ia menyokong maksud puisi sebelumnya yang menekankan tuntutan sufi dan faqih yang perlu seiring.

Dengan demikian, penyelidik melihat dakwaan golongan salafi bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m menolak tasawuf adalah tertolak dengan hujah-hujah yang dinyatakan di atas. Maksud di sebalik ungkapan puisi-puisi beliau jelas menggesa semua muslim agar memberi komitmen dalam fiqh dan tasawuf, tanpa mengenepikan salah satu daripadanya.

Berdasarkan kepada pencerahan-pencerahan tersebut, puisi ini jelas menggambarkan bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m memberi makna kesepadan antara faqih (fiqh) dan sufi (tasawuf). Keprihatinan Imam al-Shafi'i r.h.m tentang sifat-sifat batiniah (tasawuf) seseorang juga dapat dikesan apabila beliau ditanya tentang siapakah yang akan mengganti tempat beliau apabila beliau wafat. Maka Imam al-Shafi'i r.h.m telah menunjuk kepada al-Buwayti sedangkan al-Rabi' lebih banyak dan lebih baik periyatannya, sementara muridnya yang paling dikasihinya pula ialah Muhammad bin Abd al-Hakam. Abu Talib al-Makki (t.th.: 768-769) cenderung untuk menjelaskan pemilihan tersebut kerana sifat warak dan zuhudnya mengatasi para sahabatnya yang lain. Jelas bahawa aspek tasawuf yang berkaitan dengan kehalusan pekerti seseorang tidak diketepikan oleh Imam al-Shafi'i r.h.m., bahkan ia adalah sebahagian daripada neraca pertimbangan untuk menyerahkan sebarang jawatan kepada seseorang.

Kenyataan-kenyataan di atas memperlihatkan pemikiran Imam al-Shafi'i r.h.m. yang tidak menolak tasawuf. Beliau menerima tasawuf dari sudut makna tasawuf itu sendiri, yang membawa pada pengertian kehalusan pekerti. Walau bagaimanapun, kenyataan di atas masih belum cukup untuk membahaskan pemikiran tasawuf dalam teks puisi Imam al-Shafi'i r.h.m. Justeru itu, penyelidik akan turut melihat sejauh manakah aspek-aspek pemikiran tasawuf telah diungkapkan oleh beliau.

RUMUSAN PENDIRIAN DAN AMALAN IMAM AL-SHAFI'I R.H.M DALAM TASAWUF

Setelah mengetahui dan menilai pemikiran Imam al-Shafi'i r.h.m dalam teks puisi beliau dengan tiga aspek tasawuf di atas, penyelidik turut meninjau kehidupan beliau di luar genre puisi, bagi memperkuatkan lagi analisis pemikiran beliau terhadap tasawuf.

Antara mekanisme penting untuk melihat penerimaan Imam al-Shafi'i r.h.m. terhadap tasawuf ialah dengan melihat siapa gurunya. Dalam hal ini, Imam al-Shafi'i r.h.m. pernah merujuk kepada Waki' bin al-Jarrah tentang masalah hafalannya.

يَظْفَحَ عُوْسِ عِيْكَ وَ يَلِإِتْوَكَشْ
رُونْ مَلْعُلَاً نَأْبَ يِنَرَبْخَأْ

يَصْأَعْمَلِ إِكْرَتْ يَلِإِيْنَدْشِرَأْفَ
يَصْأَاعِلِ إِدْهِيِ الْمَلِلِ أَرُونَوِ

Waki' ini adalah antara gurunya yang paling zuhud dan paling warak (al-Ghayruwani, 1984, 12: 315). Kedua-dua sifat tersebut adalah ciri-ciri utama dalam disiplin ilmu tasawuf. Oleh kerana tasawuf belum menjadi satu disiplin ilmu yang tersusun, memadailah untuk dinyatakan bahawa tarbiah tasawuf telah diterima dengan baik oleh Imam al-Shafi'i r.h.m. melalui gurunya Waki'.

Imam al-Shafi'i r.h.m. juga mempunyai hubungan yang rapat dengan Shayban al-Ra'i, seorang tokoh sufi yang terawal. Beliau diriwayatkan satu hari duduk di pangkuhan Shayban dan bertanya banyak soalan. Lalu ditanyakan kepadanya: Orang semacam kamu masih mahu bertanya dengan orang Badwi ini ?Imam al-Shafi'i r.h.m. menjawab bahawa orang semacam Shayban mampu memberi petunjuk kepada orang yang lalai (al-Ghazali, 1992, 1: 33). Berdasarkan kepada dua kisah tersebut menunjukkan bahawa Imam al-Shafi'i r.h.m. menjadikan gurunya sebagai rujukan dalam masalah-masalah yang melibatkan akhlak batiniah yang menjadi antara fokus dalam tarbiyah tasawuf. Hal ini memberi petunjuk bahawa beliau menerima pendekatan tasawuf yang berkisar tentang akhlak-akhlak yang luhur.

Walaupun ada catatan yang menyatakan Imam al-Shafi'i r.h.m. mencela tasawuf, ia hendaklah dirujuk maksudnya dengan lebih mendalam, sebagaimana ungkapannya yang dinukilkhan dalam kitab Talbis Iblis dan Manaqib al-Shafi'i sendiri:

وَلَوْ نَمْ فَوْصَتْ الْجَرْنَأُ وَلَأِرْهَظْلَا هِيلَعْ تَأْيِي مَلْ رَاهِنْلَا لَوْنَمْ قَمْحَأْ دَتْدَجْوَ الْإِرْهَظْلَا

Sekiranya seorang lelaki bertasawuf pada awal siang maka ia akan menjadi bodoh sebelum sampai waktu zuhur (Ibnu al-Jawzi, 1994: 370; al-Bayhaqi, 1970, 2: 207).

Dan katanya lagi :

مَزْلَمْ فَوْصَلْ أَمْوَيْ نِي عَبْرَأْ قَيْفَوْصَلْ أَمْوَيْ هِيلَإِ دَاعْفَأْ

Seseorang akan menjadi tidak berakal selama-lamanya jika bergaul dengan seorang sufi selama 40 hari (Ibnu al-Jawzi, 1994: 371).

Sekiranya kata-kata ini diterima, maka ia perlu pemerhatian yang cermat. Dalam hal ini, catatan Ibnu al-Jawzi hendaklah difahami secara menyeluruh. Dalam erti kata lain, Ibnu al-Jawzi sebenarnya telah mengkritik beberapa pendapat dan perbuatan ahli sufi, bersandarkan dengan perkataan dan perbuatan ahli sufi itu sendiri. Hal ini berlaku kerana wujudnya sifat sesetengah ahli sufi yang menyeleweng dari ajaran agama. Maka dapat difahami bahawa kritikan beliau bukanlah tentang tasawuf tetapi pembawaan dan kesilapan sikap ahli sufi pada zamannya berdasarkan kepada kaca matanya. Kritikan tasawuf ditujukan kepada golongan yang mendakwa sufi pada zamannya lalu berpura-pura kuat ibadat. Hal

ini secara logiknya juga ditentang oleh Imam al-Shafi'i r.h.m.

Namun sekiranya merujuk kepada perbahasan sanad, sanad ungkapan tersebut dipertikaikan kerana ada perawi yang tidak diketahui. Jika diterima juga sanadnya, ia boleh membawa kepada pertimbangan yang lain iaitu Imam al-Shafi'i r.h.m. memuji ahli tasawuf kerana maksud bodoh tersebut ialah bodoh tentang keaiban-keibaan dunia sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Nawawi (al-Azhari, <http://www.azahera.net/showthread.php?t=5448>) :

Tidak dapat dinafikan bahawa ada saja manusia sufi yang menyeleweng dari jalan yang sebenar sebagaimana juga golongan manusia yang lain dalam menempuh disiplin mereka. Namun ia bukanlah satu hakikat untuk melabel tasawuf secara mutlak sebagai satu kesesatan hanya dengan perbuatan sesat segelintir yang mengaku ahli tasawuf. Bahkan perjalanan seorang ahli sufi dalam ilmu tasawuf sendiri tidak boleh lari dari landasan syarak sebagaimana yang diungkapkan oleh al-Qushayri (1989: 168) tentang peranan syariat dalam ilmu Tasawuf :

“Syariat merupakan satu perkara yang mesti dalam pengabdian diri kepada Allah, hakikat pula adalah penyaksian kekuasaan Tuhan, maka setiap perkara syariat yang tidak dibantu dengan hakikat ia tidak diterima dan setiap perkara hakikat yang tidak diikat dengan syariat maka tidak akan berhasil.”

Justeru penyelidik melihat bahawa, kritikan atau penolakan terhadap tasawuf oleh para ulama besar yang terdahulu adalah bersifat kritikan terhadap individu dan bukan disiplin tersebut sebagaimana yang difahami oleh sebilangan penentangnya kini. Kritikan sebegini jugalah yang dimaksudkan oleh Imam al-Shafi'i r.h.m. dalam puisi-puisi ungkapannya yang mencela golongan sufi seperti yang telah dibincangkan.

Melalui kenyataan-kenyataan di atas juga, penyelidik merumuskan Imam al-Shafi'i r.h.m. pada dasarnya menerima dan mengamalkan tasawuf sebagaimana yang diamalkan oleh generasi sebelumnya meskipun bukan atas nama disiplin tasawuf. Tasawuf tersebut adalah dalam bentuk pengamalan yang bersepada sebagai seorang Muslim sebagaimana ilmu-ilmu syariat yang lain yang belum didisiplinkan dan dijenamakan. Ia adalah amalan secara menyeluruh oleh para sahabat dan generasi selepasnya hasil didikan asal Nabi s.a.w.

Penyelidik juga merumuskan bahawa penolakan Imam al-Shafi'i r.h.m. bukan pada disiplin tasawuf, akan tetapi terhadap ahli sufi yang berpura-pura menunjukkan kesufiannya padahal hakikatnya adalah sebaliknya atau pun ahli sufi yang menyeleweng dari landasan syariat merupakan pendirian tokoh-tokoh ilmu tasawuf. Ini merupakan satu sikap yang lumrah di kalangan para ulama dan al-'arifin bi Allah. Mereka bukan bencikan dan menentang manusianya tetapi mereka menentang sikap dan perbuatan yang bertentangan dengan syarak hanya semata-mata menjunjung tinggi kedudukan mereka sebagai hamba dan Allah sebagai Tuhan.

BIBLIOGRAFI

- Abd al-Qadir Isa. (1980). *Haqa'iq an al-Tasawwuf*. t.tpt: al-Tariqah al-Shadhiliyyah al-Darqawiyyah.
- Abd al-Rahman Abd al-Khaliq. (1992). *Faraidh al-Sufiyyah*, Riyad : Maktabah Dar al-Salam.
- al-Azhari, <http://www.azahera.net/showthread.php?t=5448> 10 Feb 2013
- Aminah Muhammad Nasr. (1983). *Al-Syeikh al-Islam Imam Muhammad bin Abd al-Wahhab wa Manahijuhu fi Mabahith al-Aqidah*, t.tp. : Dar al-Shuruq.
- Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn al. (1970). *Manaqib al-Shafi'ili al-Bayhaqi*, Pnyt.Sayyid 'Ahmad Saqr. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- _____. (2010). *Imam al-Shafi'i-Pengembawaan Intelektual*. Kuala Lumpur: Crescent News
- Ghayruwani, Abd al-Rahman al. (1984). *Al-Imam Waki' Hayatuhu wa Atharuhu*. Arab Saudi: Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah
- Ghazali, Muhammad bin Muhammad al. (1992). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: al-Maktabah al-Ariyyah
- Gibril Haddad, <http://www.livingislam.org> 3 Jun 2010
- Hersi Mohamad Hilole. (2012). *Wahabi Sesatkah Mereka?*. Kuala Lumpur: PTS Millenia.
- <http://islamweb.net> 12 Ogos 2012
- ibn al-Jawzi , Abd al-Rahman (1994). *Talbis al-Iblis*. Kaherah: al-Maktab al-Thaqafi
- ibn Khaldun, Abd al-Rahman bin Muhammad. (2004). *al-Muqaddimah*. Damsyik: Dar Ya'rab.
- ibn Qayyim, al-Juziyyah. (1978). *Shifa' al-Ilil fi Masa'il al-Qada' wa al-Qadr wa al-Hikmah wa al-Ta'lil*, Beirut : Dar al-Ma'rifah.
- ibn Taymiyah, Ahmad bin 'Abd al-Halim. (2006). *Fiqh Tasawwuf- Satu Perbahasan tentang Tasawwuf berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadis (terj. Basri bin Ibrahim)*. Johor Baru: Jahabersa

Majmu' al-Fatawa, t.tpt. :
Majma'al-Malik Fahd

Jawzi, Abd al-Rahman ibn Ali al. (1969). Sifat al-Safwah. Beirut: Halb Dar al-Wa'i.

Jaza'iri, Abu Bakr al. (1991). Kepalsuan dalam tasawuf (terj.Ahmad Nasarudin bin Ismail). Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan.

Mahdi, Judah Muhammad al. (1998). Bihar al-Wilayah al-Muhammadiyyah fi Manaqib Azlam al-Sufiyyah. Kaherah: Dar al-Gharib

Muhammad Abu Zahrah. (1987). Tarikh al-Madhabib al-Islamiyyah, t.tpt.: Dar al-Fikr al-Arabi

Muhammad Jalal Sharf. (1991). Dirasat fi al-Tasawwuf al-Islami. Iskandariah: Dar al-Ma'rifah al-Jami'iyyah.

Qandil, Is'ad Abd al-Hadi. (1974). Kashf al-Ma'lub li al-Hajuwayri. Mesir al-Majlis al-A'la li al-Shu'un al-Islamiyyah.

Qari, Ali bin Sultan al. (2002). Mirqah al-Mafatih Sharh Mishkah al-al-Masabih. Beirut: Dar al-Fikr

Qayrawani, Abu Ali al-Hasan Rashiq al. (t.th). al-Umdah fi Mahasin al-Shi'r wa Adabih, Beirut: Dar al-Maktabat al-Hilal.

Qushayri, Abd al-Karim al. (1989). Risalah al-Qushayriyyah. Kaherah: Dar al-Sha'bī.

Razi, Fakhruddin Muhammad Abd al-Rahmanibn Abi Hatim al. (2003). Adab al-Shafi'i wa manaqibuh. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Sami'l Atif al-Zayn. (t.th). Al-Sufiyyah fi Nazri al-Islam (cetakan ke-2). Beirut: Darul Lubnani

Sheikh Idahram. (2011). Mereka Memalsukan Karya Ulamak Klasik. Indonesia: Pustaka Pesantren